

Permohonan semakan kes didengar 20 April

BH - 18/12/2019 m/s: 3

Pendakwaan teliti SD setebal 32 muka surat difail bersama affidavit sokongan

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Putrajaya: Permohonan bekas pegawai polis, Cif Inspektor Azilah Hadri untuk menyemak sabitan dan hukuman gantung ke atasnya yang didapati bersalah membunuh wanita Mongolia, Altantuya Shaariibuu akan didengar Mahkamah Persekutuan 20 April ini.

Tarikh itu ditetapkan Timbalan Pendaftar Mahkamah Persekutuan Aznina Mohd Ali ketika pengurusan kes semakan itu di Pejabat Pendaftar Istana Kehakiman, di sini semalam.

Timbalan Pendakwa Raya, Norinna Bahadun yang bertidak mewakili Pendakwa Raya selaku responden, mengesahkan perkara itu ketika ditemui pemberita selepas prosiding berkenaan.

Beliau berkata, pada peringkat ini pihaknya tidak mendapat arahan lanjut mengenai permohonan semakan terbabit yang difailkan pada 5 Disember lalu.

Katanya, pendakwaan akan meneliti Akuan Bersumpah (SD)



setebal 32 muka surat yang difailkan bersama-sama affidavit sokongan dalam permohonan semakan difailkan bekas Anggota Unit Tindakan Khas (UTK) itu, sebelum menjawab affidavit permohonan semakan berkenaan.

Turut bertindak bagi pihak Pendakwa Raya, ialah Timbalan Pendakwa Raya Tengku Intan Suraya Tengku Ismail.

Sementara itu, peguam J Kuldeep Kumar ketika ditemui enggan mengulas lanjut mengenai SD anak guamnya.

Peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Datuk Seri Najib Razak yang tu-

rut hadir memaklumkan, anak guamnya telah mengarahkan beliau memfailkan permohonan untuk mencelah dalam permohonan semakan itu.

Peguam itu berkata, Najib menafikan sekeras-kerasnya segala perkara yang didakwa oleh Azilah itu.

Beliau juga mendakwa, Azilah dibawa keluar dari Penjara Kajang untuk berjumpa dengan seorang VVIP pada Februari lalu yang dilihat sebagai pelan terancang yang diatur (untuk mengaitkan anak guamnya dengan pembunuhan Altantuya).

"Saya tidak boleh sahkan tetapi

ia dari sumber yang boleh dipercayai," katanya.

Pada 13 Januari 2015, Mahkamah Persekutuan menolak pembebasan Azilah dan seorang lagi anggota UTK berhubung pembunuhan Altantuya, dan menjatuhkan hukuman mati mandatori.

Mahkamah itu turut menetapkan keputusan Mahkamah Rayuan yang membebaskan Azilah dan Sirul Azhar Umar kerana membunuh Altantuya serta mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam yang mendapati mereka bersalah dan menjatuhkan hukuman mati terhadap mereka berdua.